



KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA
Bagi Minggu Epid 29/2009 (19 hingga 25 Julai 2009)

Bagi tempoh 19 hingga 25 Julai 2009, sejumlah 528 kes demam denggi dengan 2 kematian telah dilaporkan ke Kementerian Kesihatan. Jumlah ini menurun sebanyak 87 (14%) kes jika dibandingkan dengan minggu sebelumnya iaitu 615 kes. Hanya dua negeri sahaja yang menunjukkan peningkatan kes berbanding dengan minggu lepas iaitu Sabah, peningkatan sebanyak 3 (17%) kes dan Selangor 29 (13%) kes. Jumlah terkumpul kes denggi pada tahun 2009 ialah 26,974 kes dengan 66 kematian berbanding 24,726 kes dengan 61 kematian bagi tempoh yang sama tahun 2008 iaitu peningkatan sebanyak 2,248 (9%) kes (Lampiran A).

Maklumat berkaitan 2 kes kematian dilaporkan pada minggu ini adalah seperti berikut:

1. Kes pertama adalah seorang lelaki berusia 77 tahun yang juga menghidap penyakit Diabetes Mellitus, Hipertensi dan Penyakit Kronik Saluran Pernafasan (*Chronic Obstructive Airway Disease*) tinggal di Sipitang, Sabah, dimana Daerah Sipitang telah melaporkan sebanyak 16 kes denggi sehingga 25 Julai 2009. Pesakit mula mengalami demam dan sakit sendi pada 11 Julai 2009. Empat hari selepas mula sakit, beliau yang masih mempunyai demam dan sakit sendi serta mengalami sesak nafas telah pergi ke

Unit Kecemasan, Hospital Sipitang pada 14 Julai 2009 bagi mendapatkan rawatan dan seterusnya dimasukkan ke wad kerana disyaki menghidap Demam Denggi. Ianya disahkan melalui ujian serologi denggi dimana keputusannya ialah positif IgM yang dibuat pada 16 Julai 2009. Pada hari kedua semasa rawatan didalam hospital pesakit mengalami komplikasi pendarahan dan tiga hari selepas berada di wad iaitu pada 17 Julai 2009, pesakit meninggal dunia disebabkan komplikasi Demam Denggi Berdarah.

Aktiviti Pemeriksaan Pembiakan Aedes pada 17 Julai 2009 dikawasan tersebut terdapat tempat pembiakan melebihi kadar sensitif yang dijumpai diluar rumah. Jenis bekas yang positif pembiakan adalah tin-tin terpakai. Aktiviti semburan kabus telah dijalankan di semua rumah di kawasan tersebut dengan liputan 100%. Di samping itu, aktiviti pendidikan kesihatan telah dilakukan untuk meningkat kesedaran masyarakat setempat mengenai pencegahan dan kawalan denggi.

2. Kes kedua adalah seorang guru wanita berusia 45 tahun yang juga menghidap Hipertensi, tinggal di Ampang, Selangor dimana kawasan ini telah mempunyai 5 wabak dan melibatkan 77 kes denggi dalam tempoh 2 bulan lepas. Pada 13 Julai 2009, pesakit mula sakit dengan tanda-tanda cirit-birit serta muntah dan telah pergi ke sebuah Klinik Swasta yang terletak 6 km dari rumahnya, untuk mendapatkan rawatan pada hari tersebut. Pada keesokan harinya, pesakit yang masih belum berpuas hati kerana masih mengalami muntah di samping demam dan batuk, telah pergi ke Unit Kecemasan, Hospital Ampang yang terletak 5 km dari rumahnya bagi mendapatkan rawatan. Beliau disyaki menghidap demam denggi dan dirawat sebagai pesakit luar serta diberi kad *Rekod Pemantauan Pesakit Denggi* untuk tindakan susulan.

Daripada pemantauan dan pemeriksaan di Unit Kecemasan, Hospital Ampang pada 15 Julai 2009, didapati simptom pesakit semakin teruk dan beliau dimasukkan ke wad selepas 3 hari mula sakit kerana didiagnosa sebagai Demam Denggi Berdarah. Keesokan harinya, kes ini disahkan denggi melalui ujian serologi yang dilakukan menunjukkan positif IgM. Selepas 2 hari dirawat, pesakit meninggal dunia kerana mengalami komplikasi *Dengue Shock Syndrome* pada 17 Julai 2009 di Hospital Ampang, Selangor.

Pemeriksaan Pembiakan Aedes di lokasi kediaman pesakit mendapati Index Aedes masih melebihi tahap sensitif dimana pembiakan dijumpai diluar rumah iaitu dalam tong sampah.

Aktiviti Semburan kabus telah dijalankan pada 20 dan 22 Julai 2009 kurang mendapat sambutan dari penghuni dimana hanya 67% daripada rumah dikawasan tersebut yang dapat disembur. Amat mendukacitakan lagi kawasan yang telah mempunyai 5 wabak sejak 2 bulan lepas, aktiviti gotong-royong yang bertujuan menghapuskan pembiakan Aedes tidak dapat dijalankan kerana kurangnya kerjasama masyarakat setempat.

Sehingga 25 Julai 2009, terdapat 33 lokaliti 'hot spot' dilaporkan berbanding 38 lokaliti pada minggu sebelumnya. Sebanyak 12 lokaliti telah bebas 'hot spot' tetapi terdapat tambahan 7 lokaliti 'hot spot' baru pada minggu ini (lampiran C, D dan E). Sebanyak 14 (42%) daripada 33 lokaliti 'hotspot' masih merupakan kawasan sensitif yang mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi membolehkan penyebaran penyakit denggi terus berlaku (Lampiran F). Daripada 1,262 premis yang diperiksa didapati sejumlah 56 tempat pembiakan adalah positif dengan Aedes.

Daripada jumlah kes yang dilaporkan pada minggu ini, 5% berlaku di lokaliti 'hot spot' di negeri Selangor dan WP Kuala Lumpur-Putrajaya. Ini adalah kerana terdapat 28 lokaliti 'hot spot' di negeri Selangor yang masih belum melakukan aktiviti gotong-royong dan menyumbang kepada peningkatan kes pada minggu ini. Bagi seluruh negara, hanya 25 (42%) aktiviti gotong-royong dapat dijalankan walaupun sebanyak 60 gotong-royong disasarkan sepanjang minggu ini.

Sejumlah 186 kompaun bernilai RM33,000.00 dan 377 notis arahan pembersihan telah dikeluarkan pada minggu epid 29 melalui tindakan penguatkuasaan di seluruh negara.

Bagi penyakit Chikungunya, sejumlah 38 kes telah dilaporkan dengan penurunan satu kes sahaja berbanding minggu sebelumnya iaitu 39 kes. Negeri Kelantan sahaja yang menunjukkan peningkatan kes iaitu 2 kes minggu 28 kepada 8 kes pada minggu 29. Bagaimanapun, tiada kematian berkaitan penyakit Chikungunya dilaporkan sehingga kini. Bilangan kes yang dilaporkan mengikut negeri adalah seperti di lampiran B.

Kementerian Kesihatan menasihatkan orang ramai agar memandang serius penyakit demam denggi dan Chikungunya, memandangkan ia boleh merebak dengan cepat melalui gigitan nyamuk *Aedes*. Bagi pesakit yang mempunyai tanda-tanda demam denggi diminta mendapatkan rawatan awal untuk mengelakkan komplikasi yang boleh membahayakan nyawa pesakit. Bagi mereka yang telah dijangkiti demam denggi dan Chikungunya dinasihat untuk mengurangkan pergerakan keluar rumah bagi mengelakkan penularan jangkitan ke kawasan baru.

(TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN)
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

27 Julai 2009

Lampiran A

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 29/2009
(19 – 25 Julai)**

Bil	Negeri	Jumlah Kes		Jumlah Kes Sehingga Minggu 29/2009	Jumlah Kes Sehingga Minggu 29/2008
		Minggu 29/09 (19 - 25 Julai)	Minggu 28/09 (12 - 18 Julai)		
1.	Perlis	2	2	154	87
2.	Kedah	7	13	546	783
3.	P. Pinang	31	41	1,703	1,018 (1)
4.	Perak	31	62	2,185 (1)	2,205 (1)
5.	Selangor	247 (1)	218	13,548 (44)	10,376 (27)
6.	WPKL & Putrajaya	61	72	2,550 (7)	2,896 (6)
7.	N. Sembilan	7	15	582 (5)	729 (1)
8.	Melaka	14	24	462 (1)	411
9.	Johor	43	47	1,620 (2)	1,923 (12)
10.	Pahang	13	19	568 (2)	690
11.	Terengganu	11	13	651	1,037 (3)
12.	Kelantan	16	27	765 (1)	1,156 (8)
13.	Sarawak	24	44	1,022	728
14.	Sabah	21 (1)	18	596 (3)	644 (2)
15.	WP Labuan	0	0	22	43
	Jumlah	528 (2)	615 (0)	26,974 (66)	24,726(61)

Nota:

() Kematian

Disedia oleh: PPKP Hj Abu Bakar Kassim

Lampiran B

**JUMLAH KES CHIKUNGUNYA YANG
DILAPORKAN PADA MINGGU 29 DAN 28 BAGI TAHUN 2009**

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul Minggu 1- 29 Tahun 2009	Jumlah Kes bagi tahun 2008
		Minggu 29 (19 – 25 Julai 2009)	Minggu 28 (12 – 18 Julai 2009)		
1	Perlis	0	0	29	3
2	Kedah	2	3	782	181
3	P. Pinang	15	19	291	6
4	Perak	1	4	400	590
5	Selangor	5	5	394	353
6	WPKL &Putrajaya	1	1	91	27
7	N. Sembilan	0	0	31	176
8	Melaka	0	0	0	606
9	Johor	2	2	146	1,846
10	Pahang	2	0	69	341
11	Terengganu	2	3	57	4
12	Kelantan	8	2	385	135
13	Sarawak	0	0	304	3
14	Sabah	0	0	5	0
15	WP Labuan	0	0	0	0
	MALAYSIA	38	39	2,984	4,271

Bilik Gerakan CPRC Kebangsaan
Bahagian Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI LOKALITI “HOT SPOT” SEHINGGA 25 JULAI 2009 (Mg. 29)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MPAJ	Taman Permata (Zon C)	15	86
2	SELANGOR	MPAJ	Taman Putra Sulaiman (Zon B) Episod 2	37	79
3	SELANGOR	Gombak	Tmn Sri Gombak Fasa 1 (Zon 1)	17	73
4	SELANGOR	Gombak	Bt 8-10 Jalan Gombak (Episod 3)	15	72
5	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Sri Langat	9	70
6	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Vista Putra Bandar Sri Putra Bangi	14	69
7	SELANGOR	MPAJ	Taman Putra Sulaiman (Zon C) Episod 2	14	68
8	SELANGOR	Gombak	Kg Nakhoda Kiri	7	56
9	SELANGOR	MPAJ	Taman Ampang Utama (Zon C)	14	52
10	SELANGOR	Gombak	Taman Selayang Utama	8	52
11	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Desa Baiduri	11	52
12	SELANGOR	MPSJ	Bandar Puteri 7	10	51
13	SELANGOR	MPSJ	PJS 7	6	50
14	SELANGOR	MBPJ	Apt Pelangi PJU 6	11	50
15	SELANGOR	MPAJ	Tmn Cempaka (Zon B) Episod 1	11	48
16	SELANGOR	Gombak	Taman Samudra Timur	6	44
17	SELANGOR	Gombak	Taman Melewar Indah	6	44
18	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7, Teres B	5	42
19	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Semenyih Indah	10	41
20	SELANGOR	MPAJ	AU 1 Taman Keramat (Zon A) Episod 4	4	40
21	SELANGOR	Gombak	Tmn Sri Gombak Fasa 5,6 & 7 (Zon 3)	7	40
22	SELANGOR	MPAJ	Pandan Indah (Zon H) Eps 3	6	39
23	SELANGOR	Hulu Langat	Seksyen 2 Bandar Sri Putra	16	39
24	SELANGOR	MPAJ	Taman Bakti (Zon A)	11	35
25	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Sri Cheras	3	35
26	SELANGOR	Gombak	Taman Pinggiran Bt Caves (Zon 3) Episod 2	12	32

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
27	SELANGOR	Gombak	Kg Changkat	7	31
28	SELANGOR	Gombak	Taman Industri Bolton	4	30
29	WPKL	Putrajaya	Apartment Fasa 11, Presint 9	5	42
30	WPKL	Klang Lama	Bukit Jalil (Damai Jalil Appt)	10	43
31	WPKL	Kepong	Tmn Sri Murni	12	47
32	WPKL	Cheras	Desa Pandan Blok F1-F8,G1-G8 Jln 1/76D/76D)	7	32
33	WPKL	Putrajaya	Appt Putra Damai Precint 11	6	31

Lampiran D**SENARAI “HOT SPOT” BARU BAGI MINGGU 29 (19-25 JULAI 2009)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tamat Pada
1	SELANGOR	MPAJ	AU 1 Taman Keramat (Zon A) Episod 4	40	07/08/09
2	SELANGOR	MPAJ	Taman Bakti (Zon A)	35	13/08/09
3	SELANGOR	Gombak	Taman Pinggiran Bt Caves (Zon 3) Episod 2	32	12/08/09
4	SELANGOR	Gombak	Kg Changkat	31	12/08/09
5	SELANGOR	Gombak	Taman Industri Bolton	30	09/08/09
6	WPKL	Cheras	Desa Pandan Blok F1-F8,G1- G8 Jln 1/76D/76D)	7	06/08/09
7	WPKL	Putrajaya	Appt Putra Damai Precint 11	6	04/08/09

Lampiran E

SENARAI LOKALITI BEBAS "HOT SPOT" BAGI MINGGU 29 (19-25 JULAI 2009)

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MBSA	Seksyen U5 (Subang Murni)	19	103
2	SELANGOR	Gombak	Taman Indah Perdana	7	78
3	SELANGOR	MPAJ	Taman Ampang Mewah (Zon B) Episod 3	12	66
4	SELANGOR	Hulu Langat	Kolej Islam Antarabangsa Bangi (KUIS)	18	66
5	SELANGOR	MPK	Bdr Sultan Sulaiman, Lrg Sultan Mohamad	6	47
6	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Langat Jaya	5	43
7	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Jasmin	6	43
8	SELANGOR	MBSA	Kem Paya Jaras	8	56
9	SELANGOR	Hulu Langat	Taman Bukit Semenyih	7	42
10	WPKL	Cheras	Desa Tasik (Awam)	6	33
11	PAHANG	Kuantan	Taman Tas	12	38
12	T'GGANU	K.Trg	Masjid Hj Kadir	6	36

**SENARAI LOKALITI "HOT SPOT" YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR PEMBIAKAN NYAMUK
AEDES YANG TINGGI BAGI MINGGU KE 29**

Bil.	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%) (A)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa (B)
1	SELANGOR	MBPJ	Seksyen 7, Teres B	3.1%	3.2
2	SELANGOR	MPAJ	Taman Permata (Zon C)	4.5%	6.0
3	SELANGOR	MPAJ	Taman Putra Sulaiman (Zon B) Episod 2	3.8%	13.0
4	SELANGOR	MPAJ	Taman Cempaka (Zon B) Episod 1	3.0%	3.0
5	SELANGOR	MPAJ	AU 1, Taman Keramat (Zon A) Episod 4	33.0%	33.0
6	SELANGOR	GOMBAK	Taman Sri Gombak Fasa 1 (Zon 1)	1.1%	1.1
7	SELANGOR	GOMBAK	Bt. 8 - 10, Jalan Gombak (Episod 3)	2.9%	5.0
8	SELANGOR	GOMBAK	Taman Samudera Timur	5.0%	8.0
9	SELANGOR	GOMBAK	Kg. Nakhoda Kiri	3.0%	3.0
10	SELANGOR	GOMBAK	Kg. Changkat	2.7%	3.0
11	SELANGOR	HULU LANGAT	Taman Sri Langat	3.0%	5.0
12	SELANGOR	HULU LANGAT	Taman Desa Baiduri	4.0%	9.0
13	SELANGOR	HULU LANGAT	Seksyen 2, Bandar Sri Putra	1.0%	4.0
14	WP KL	PUTRAJAYA	Appt. Putra Damai, Presint II	1.2%	1.2